



HLMT DANA BERKAITAN-PELABURAN
Laporan Prestasi Dana
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021



Kandungan

	Pages
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	1 - 2
Objektif Dana	3
Ulasan Pelaburan	
Dana HLMT i-Balanced	4 - 6
Dana HLMT i-Income	7 - 9
Dana HLMT i-Equity	10 - 12
My Steady 10 Plan	13 - 14
Dana HLMT Makmur	15 - 16
Dana HLMT Maa'ruf	17 - 18
Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap	19 - 20
Tinjauan Pelaburan	21
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	22 - 24
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	25 - 27
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	28 - 30
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	31 - 39
Penyata Pengurus	40
Laporan Juruaudit Bebas	41 - 44



UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Sekali lagi, dengan sukacitanya kami membentangkan kepada anda Laporan Tahunan Dana Berkaitan Pelaburan ("ILF") Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLMT") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021. Tahun ini merupakan tahun tidak menentu di mana keterujaan awal digantikan oleh rintangan hebat yang timbul daripada kedua-dua isu domestik dan pandemik global.

Tahun kewangan dimulakan dengan peningkatan yang beransur-ansur di kebanyakan negara utama daripada langkah pembendungan yang dikenakan sebelumnya untuk mengawal pandemik Covid-19 yang belum dikenali ketika itu. Pertumbuhan global juga menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan walaupun secara bertahap dan pada kadar yang tidak menentu. Dasar monetari terus akomodatif dengan para pembuat dasar utama sangat komited terhadap persekitaran kadar faedah "rendah untuk jangka panjang" bagi menyokong permintaan sambil mengharapkan keadaan pasaran buruh akan bertambah baik. Sebaik sahaja vaksin yang berkesan tersedia di pasaran maju, inkulasi mula mendapat momentum dan ini memberikan rangka tindakan bagi seluruh dunia untuk membuka kembali dan menyambung semula kegiatan ekonomi.

Ketika dunia mulai bangkit kembali daripada pelbagai bentuk kawalan pergerakan, rantaian bekalan secara keseluruhannya tidak akan dapat menangani lonjakan permintaan yang secara tiba-tiba. Situasi cerutan pada semua segmen rantaian nilai tidak dapat memenuhi permintaan terpendam dan aktiviti lebihan pesanan dan pengisian semula stok memburukkan lagi keadaan ini, yang mengakibatkan kebimbangan inflasi.

Walaupun pasaran maju telah menunjukkan sinar harapan dengan peningkatan kadar vaksinasi, pasaran domestik mengalami perubahan drastik kerana lonjakan baru dalam kes Covid-19, perintah kawalan pergerakan yang dikenakan dan kemudian ditarik balik yang silih berganti, keimbangan tentang isu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") serta ketidaktentuan politik. Satu-satunya harapan yang ada adalah peningkatan usaha vaksinasi setelah timbulnya masalah pemberian vaksin pada peringkat awal. Negara kini berada di landasan yang tepat untuk mencapai imuniti kelompok pada 4Q21 dengan bidang ekonomi utama dibuka semula seawal akhir Ogos 2021. Ini akan membolehkan kebanyakan negeri di negara ini beralih ke fasa keempat Pelan Pemulihan Nasional ("PPN") apabila kebanyakan sektor ekonomi akan dibuka semula dengan lebih banyak aktiviti sosial yang dibenarkan, termasuk perjalanan merentas negeri dan pelancongan domestik.

Berikutan kemunculan pelbagai jenis strain baharu, ada kemungkinan Covid-19 akan terus bersama kita untuk jangka masa yang panjang. Negara dan korporat juga telah mengubah jangkaan mereka daripada "membasmi sebelum membuka kembali" menjadi "membuka kembali dan hidup dengan Covid-19". Ini pasti akan mengubah bagaimana perniagaan dijalankan dan penerapan pendigitalan akan terus menjadi trend pada masa depan. Di samping itu, para pelabur juga mementingkan pelaburan pada syarikat yang mengamalkan amalan ESG yang baik.



Walaupun menghadapi banyak cabaran, pendekatan kami di HLMT selalu memanfaatkan sebarang turun naik dan penurunan pasaran untuk meningkatkan dan mengukuhkan portfolio kami untuk jangka masa panjang. Strategi ini telah bertahan sekian lama untuk memastikan prestasi berterusan dalam jangka panjang dan untuk menyokong komitmen kami untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda.

Akhirnya, kami di HLMT ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan dan kepercayaan berterusan anda yang telah mendorong kami untuk berusaha mencapai kecemerlangan dalam membangunkan produk patuh Syariah yang inovatif dan memenuhi permintaan pemegang sijil kami dengan penuh dedikasi. Meraih semua anugerah, iaitu Pengendali Takaful Terbaik Malaysia oleh Anugerah Majalah Perniagaan Antarabangsa 2021 & 2020, Takaful Keluarga Paling Inovatif oleh Anugerah Tinjauan Perniagaan Global 2021 & 2020, Program Bantuan Covid-19 (Insurans) Paling Inovatif oleh Anugerah Tinjauan Perniagaan Global 2020 dan Kecemerlangan Insurans & Takaful oleh Anugerah Kecemerlangan Halal Global 2020 menjadi bukti komitmen kami kepada anda yang tidak mungkin dapat dilakukan tanpa sokongan anda.

Kesimpulannya, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan tulus ikhlas kami kepada anda kerana terus mempercayai HLMT dan memilih kami sebagai Penyedia Takaful Pilihan anda. Kami akan terus berusaha untuk meningkatkan standard kecemerlangan dan komitmen kami dalam memberikan perlindungan terbaik untuk memperkayakan hidup anda.

Mohd Asri Omar

Ketua Pegawai Eksekutif
Hong Leong MSIG Takaful Berhad



OBJEKTIF DANA

Dana HLMT i-Balanced bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan patuh Syariah yang mengandungi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

Dana HLMT i-Income bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti patuh Syariah.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang patuh Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah modalnya dilindungi apabila matang pada akhir tempoh 10 tahun. Aset-aset utamanya adalah tertakluk kepada kadar Syariah. Dana ini matang pada 22 September 2020 dan nilai matang dibayar kepada semua pemegang sijil.

Dana HLMT i-Equity bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan patuh Syariah dalam sekuriti syarikat yang tersenarai.

Dana HLMT Makmur bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal yang konsisten dalam jangka masa pelaburan jangka sederhana hingga panjang dengan pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah. Dana akan melabur dengan pegangan dalam Hong Leong Dana Makmur (Dana Sasaran).

Dana HLMT Maa'rof bertujuan untuk memberikan akses yang mudah ke atas portfolio pelaburan yang pelbagai yang mengandungi campuran ekuiti dan Sukuk yang seimbang yang memenuhi keperluan Syariah. Dana akan melabur dengan pegangan dalam Hong Leong Dana Maa'rof (Dana Sasaran).

ULASAN PELABURAN

DANA HLMT i-BALANCED


Bagi tahun kewangan di bawah semakan, kira-kira 41% dana ini dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dan 42% dalam bon Islam. Saham yang menyumbang kepada prestasi lebih baik pada tahun kewangan termasuk Inari Amertron Bhd, UWC Bhd, TM Malaysia Bhd dan Petronas Chemical Group Bhd. Sentimen di pasaran ekuiti terus didominasi oleh perkembangan vaksinasi di peringkat global dan juga perkembangan politik di dalam negeri. Kami terus melabur dalam kedua-dua tema pemulihan/pembukaan semula, penerima manfaat daripada reflasi dan syarikat-syarikat teknologi 5G.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2021

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah NAB (RM)	8,319	16,952	16,004	5,930	6,629
Bilangan unit	5,862	12,525	12,078	4,734	4,715
NAB seunit (RM)	1.4190	1.3535	1.3251	1.2527	1.4059
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4607	1.3704	1.3251	1.4772	1.4059
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3562	1.2092	1.2494	1.2523	1.2916
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	4.84%	2.14%	5.82%	-10.93%	9.75%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	4.84%	2.14%	5.82%	-10.93%	9.75%
- 3 tahun	4.24%	-1.26%	1.14%	-0.13%	4.81%
- 5 tahun	2.06%	1.49%	1.65%	1.25%	4.84%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% GIA)					
- 1 tahun	1.39%	0.96%	1.77%	-1.44%	4.41%
- 3 tahun	1.38%	0.42%	1.55%	1.35%	0.72%
- 5 tahun	1.41%	1.36%	0.49%	1.37%	3.12%

Nota 2

Prestasi Dana				
Nota tambahan	2021	2020	2019	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	4.81%	2.10%	2.95%	-0.82%
Purata pulangan tahunan - Dana				
- 1 tahun	4.81%	2.10%	2.95%	-0.82%
- 3 tahun	3.28%	1.40%	3.61%	2.82%
- 5 tahun	3.55%	2.70%	2.63%	2.54%

Nota:

Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Deposit dengan institusi kewangan Islam	17.02	8.89	29.89	-	16.38
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	41.00	43.80	34.79	52.66	43.41
Bon Islam tidak disebutharga	41.98	47.31	35.32	47.34	40.21
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi ekuiti mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Pembinaan	4.67	5.20	4.71	3.42	5.78
Barangan Pengguna	8.49	4.39	0.96	7.69	1.97
Kewangan	2.51	3.40	5.52	1.85	2.32
Barangan Industri	15.18	23.40	19.56	13.23	18.88
Infrastruktur	4.76	5.22	9.72	9.57	10.48
Pertanian	3.00	4.19	1.94	0.91	6.53
Hartanah	5.85	5.24	5.08	6.86	9.25
REITS	4.18	6.05	8.59	3.12	3.43
Teknologi	19.28	10.17	1.62	1.43	-
Perdagangan/Perkhidmatan	28.02	31.58	42.30	51.92	41.36
Utiliti	2.05	1.16	-	-	-
Perlombongan	2.00	-	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Pembinaan	-	27.67	43.89	32.97	10.68
Kewangan	66.85	72.33	56.11	33.61	89.32
Kerajaan	-	-	-	33.42	-
Utiliti	33.15	-	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-INCOME


Bagi tahun kewangan di bawah semakan, dana telah dilaburkan sepenuhnya ke dalam sukuk dan berikutan hasil sukuk yang merosot menjelang akhir tahun kewangan, pulangan dana juga turut terjejas. Ini mengakibatkan prestasi lebih rendah berbanding penanda aras untuk 1 tahun. Walau bagaimanapun, pulangan 3 tahun dan 5 tahun masih berada di atas penanda aras. 69% Dana dilaburkan dalam bon Islam Korporat manakala 31% dilaburkan dalam Aset Risiko Rendah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.00% dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2021

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-INCOME (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah NAB (RM)	5,753	4,593	3,842	3,270	3,407
Bilangan unit	3,508	2,810	2,479	2,338	2,257
NAB seunit (RM)	1.6400	1.6347	1.5499	1.3986	1.5096
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.6688	1.6466	1.5499	1.5420	1.5099
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.6138	1.5433	1.4091	1.3983	1.4566
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	0.32%	5.47%	10.62%	-7.35%	4.47%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	0.32%	5.47%	10.62%	-7.35%	4.47%
- 3 tahun	5.45%	2.69%	2.30%	0.47%	5.06%
- 5 tahun	2.56%	3.46%	3.51%	2.01%	5.17%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% GIA)					
- 1 tahun	1.52%	1.94%	2.59%	1.17%	3.48%
- 3 tahun	2.03%	1.90%	2.41%	2.36%	2.15%
- 5 tahun	2.15%	2.32%	2.04%	2.42%	3.13%

Nota 2

Prestasi Dana				
Nota tambahan	2021	2020	2019	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	0.25%	5.99%	7.37%	3.08%
Purata pulangan tahunan - Dana				
- 1 tahun	0.25%	5.99%	7.37%	3.08%
- 3 tahun	4.49%	5.47%	4.68%	3.55%
- 5 tahun	4.04%	4.79%	4.60%	3.45%

Nota:

Pelarasian yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasian ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasian yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-INCOME (SAMB.)

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	-	-	-	-
Bon Islam tidak disebutharga	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Kewangan	39.81	40.38	38.62	39.83	60.9
Kerajaan	20.38	13.69	16.46	21.85	13.99
Agensi Kerajaan	10.68	13.68	16.53	13.73	-
Infrastruktur	14.66	17.75	22.22	24.59	25.11
Telekomunikasi	-	4.86	6.17	-	-
Utiliti	14.47	9.64	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-EQUITY


Bagi tahun kewangan di bawah semakan, dana mempunyai 86.69% pegangan dalam ekuiti patuh Syariah. Untuk separuh pertama tahun kewangan ini, dana menggunakan strategi barbell untuk dilaburkan dalam kedua-dua syarikat penerima Covid-19 dan pemulihan/pembukaan semula. Ketika kita melangkah ke separuh kedua tahun kewangan, dana mengimbangi semula strategi untuk dilaburkan dalam kedua-dua syarikat nilai (terutamanya pemulihan/pembukaan semula) dan pertumbuhan (teknologi, platform digital, EMS). Stok utama dalam portfolio termasuk Inari Amertron Bhd, UWC Bhd, TM Malaysia Bhd dan Petronas Chemical Group Bhd.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2021

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-EQUITY (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah NAB (RM)	24,907	28,930	27,895	16,062	15,264
Bilangan unit	19,319	24,420	23,260	14,096	12,631
NAB seunit (RM)	1.2893	1.1847	1.1993	1.1395	1.2084
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3867	1.2183	1.1993	1.2805	1.2596
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1924	0.9675	1.1090	1.1166	1.1414
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal (Nota 1)	8.83%	-1.22%	2.96%	-5.70%	7.13%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	8.83%	-1.22%	2.96%	-5.70%	7.13%
- 3 tahun	4.20%	-0.66%	2.25%	-0.28%	0.77%
- 5 tahun	2.71%	0.61%	0.50%	1.06%	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% GIA)					
- 1 tahun	1.26%	-0.13%	-1.43%	-4.02%	5.24%
- 3 tahun	0.73%	-1.12%	-0.15%	0.31%	-0.61%
- 5 tahun	0.67%	0.33%	-1.46%	0.32%	n/a

Nota 2

Prestasi Dana				
Nota tambahan	2021	2020	2019	2018
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	8.76%	-1.02%	2.96%	-5.43%
Purata pulangan tahunan - Dana				
- 1 tahun	8.76%	-1.02%	2.96%	-5.43%
- 3 tahun	3.49%	-1.22%	2.25%	0.96%
- 5 tahun	2.85%	0.96%	0.50%	1.48%

Nota:

Pelarasian yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasian ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasian yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT i-EQUITY (SAMB.)

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Deposit dengan institusi kewangan Islam	13.31	13.82	29.59	24.03	17.95
Sekuriti ekuiti Islam disebut harga di Malaysia	86.69	86.18	70.41	75.97	82.05
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi ekuiti mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Pembinaan	4.78	5.47	5.63	4.09	8.80
Barangan Pengguna	8.68	4.30	1.46	5.74	1.11
Kewangan	2.38	3.36	6.18	2.67	2.33
Barangan Industri	15.36	22.73	16.55	11.77	16.87
Infrastruktur	4.63	5.52	10.02	9.47	6.08
Pertanian	2.99	3.98	2.16	2.38	2.53
Hartanah	5.98	5.18	4.95	7.84	7.19
REITS	4.54	6.22	7.90	2.75	2.11
Teknologi	18.52	10.40	2.75	2.99	5.25
Perdagangan/Perkhidmatan	28.69	31.70	42.40	50.30	47.73
Utiliti	1.47	1.14	-	-	-
Perlombongan	1.99	-	-	-	-
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

MY STEADY 10 PLAN


MY Steady 10 Plan, satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan pada kadar indikatif sebanyak 44.20% dan modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset rujukan asas tertakluk kepada kadar Islam.

Tiada caj yang dikenakan ke atas dana ini sepanjang tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Dana ini matang pada 22 September 2020 dan nilai matang dibayar kepada semua pemegang sijil.

Pada 30 June 2021

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





ULASAN PELABURAN (SAMB.)

MY STEADY 10 PLAN (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah NAB (RM)	N/A	4,278	4,133	3,959	3,816
Bilangan unit	N/A	2,915	2,915	2,915	2,915
NAB seunit (RM)	N/A	1.4677	1.4179	1.3582	1.3093
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4752	1.4683	1.4179	1.3582	1.3093
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4683	1.4227	1.3638	1.3126	1.1662
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	N/A	3.16%	4.75%	3.74%	3.83%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	N/A	3.16%	4.75%	3.74%	3.83%
- 3 tahun	N/A	3.88%	4.10%	4.71%	5.34%
- 5 tahun	N/A	4.41%	4.90%	4.36%	5.54%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (100% FBMEmas Shariah)					
- 1 tahun	N/A	1.74%	2.43%	2.43%	3.27%
- 3 tahun	N/A	2.20%	2.71%	3.02%	3.19%
- 5 tahun	N/A	2.65%	2.88%	3.09%	3.23%

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Pelaburan Berstruktur	N/A	100.00	100.00	100.00	100.00

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT MAKMUR

Dana dilancarkan pada 13 April 2021 dan mempunyai pegangan dalam dana unit amanah Hong Leong Dana Makmur ("HLDM"). Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencatatkan pulangan sebanyak -3.51% berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak -5.21%. Pulangan dana pendasar, iaitu HLDM adalah -8.38% bagi tempoh di bawah semakan.


Dalam segmen ekuiti patuh Syariah HLDM, saham yang menyumbang kepada prestasi lebih baik merangkumi D&O Green Technologies Bhd, Focus Point Holdings Bhd dan Press Metal Bhd. Sentimen dalam pasaran ekuiti masih didominasi oleh ketidakpastian trajektori keluaran dalam negara kasar ("KDNK") dan pertumbuhan pendapatan korporat yang tidak sekata, memandangkan gelombang ketiga dalam kes Covid-19. Namun, peningkatan kadar vaksinasi dan kemungkinan pembukaan semula sempadan mampu menjadi pemangkin pasaran dalam waktu terdekat. Di dalam negara, pelabur akan terus memantau rapat kemungkinan pembukaan semula ekonomi dan sempadan serta kadar vaksinasi untuk menentukan pergerakan pasaran.

Bayaran pengurusan dana sebanyak 1.50% p.a. telah dikenakan kepada Dana semasa tahun kewangan.

Tidak ada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan pengehadan dana selama tahun kewangan. Tidak ada pengagihan telah dibuat dan dicadangkan semasa tempoh tahun kewangan.

Pada 30 June 2021

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT MAKMUR (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah NAB (RM)	125	N/A	N/A	N/A	N/A
Bilangan unit	129	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit (RM)	0.9649	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.0040	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.9429	N/A	N/A	N/A	N/A
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	-3.51%	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	-3.51%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 3 tahun	0.00%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	0.00%	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (100% FBMEmas Shariah)					
- 1 tahun	-5.21%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 3 tahun	0.00%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	0.00%	N/A	N/A	N/A	N/A

	Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Tunai dan setara tunai	6.81	N/A	N/A	N/A	N/A
Unit amanah tidak disebut harga	93.19	N/A	N/A	N/A	N/A
	100.00	N/A	N/A	N/A	N/A

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

DANA HLMT MAA'ROF

Dana dilancarkan pada 13 April 2021 dan mempunyai pegangan dalam dana unit amanah Hong Leong Dana Maa'ruf ("HLDM2"). Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, dana masih belum melabur dalam HLDM2 kerana dana tersebut masih mengumpulkan aset tunai dan setara tunai untuk memastikan tahap kecairan dana yang mencukupi.


Dalam segmen ekuiti patuh Syariah HLDM2, saham yang menyumbang kepada prestasi lebih baik pada tahun kewangan ini merangkumi D&O Green Technologies Bhd, Focus Point Holdings Bhd dan Press Metal Bhd. Sentimen dalam pasaran ekuiti masih didominasi oleh ketidakpastian trajektori KDNK dan pertumbuhan pendapatan korporat yang tidak sekata, memandangkan gelombang ketiga dalam kes Covid-19. Namun, peningkatan kadar vaksinasi dan kemungkinan pembukaan semula sempadan mampu menjadi pemangkin pasaran dalam waktu terdekat. Bagi pasaran sukuk, Bank Negara Malaysia ("BNM") dijangka akan terus mengekalkan Kadar Dasar Semalam ("OPR") pada 1.75% untuk baki tahun ini kerana bank pusat dapat memanfaatkan alat monetari lain untuk meringankan beban perkhidmatan hutang isi rumah dan memastikan bank mempunyai modal yang mencukupi. Di dalam negara, para pelabur akan terus memantau rapat kemungkinan pembukaan semula ekonomi dan sempadan serta kadar vaksinasi untuk menentukan pergerakan pasaran.

Tidak ada caj yang dikenakan terhadap dana selama tahun kewangan.

Tidak ada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan pengehadan dana semasa tempoh tahun kewangan. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan semasa tempoh tahun kewangan.

Pada 30 June 2021

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





ULASAN PELABURAN (SAMB.)


DANA HLMT MAA'ROF (SAMB.)

	Prestasi Dana				
	2021	2020	2019	2018	2017
Jumlah NAB (RM)	3	N/A	N/A	N/A	N/A
Bilangan unit	3	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit (RM)	1.0000	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.0000	N/A	N/A	N/A	N/A
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.0000	N/A	N/A	N/A	N/A
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	0.00%	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
- 3 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
Purata pulangan tahunan					
- Penanda aras (70% FBM ESI + 30% KLIB3M)					
- 1 tahun	-2.96%	N/A	N/A	N/A	N/A
- 3 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
- 5 tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2021	2020	2019	2018	2017
Tunai dan setara tunai	100	N/A	N/A	N/A	N/A

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

Pasaran Ekuiti



Source: CLSA Ltd

Pasaran tempatan untuk tempoh kewangan di bawah semakan (Julai 2020 hingga Jun 2021) menempuh pergerakan turun naik pasaran yang mencemaskan. Kita memulakan tahun kewangan dengan kedudukan yang kukuh berbanding negara serantau ASEAN dengan terus di hadapan dalam menangani kes Covid-19 secara terkawal. Selain itu, 4 pengeluar utama sarung tangan yang membentuk hampir 20% Indeks Syariah Emas FBM sewaktu di puncak, meneruskan prestasi harga saham mereka yang kukuh berikutnya kenaikan permintaan dan harga jualan purata. Ketika kita bergerak ke menjelang akhir tahun 2020, para pelabur mulai menukar ganti posisi untuk bersiap sedia bagi tahun 2021 dengan tema pembukaan dan pemulihan diharapkan akan menjadi tumpuan setelah kejayaan pembangunan pelbagai vaksin. Kerancakan pasaran dibantu oleh kecairan yang kukuh yang berpunca daripada pakej rangsangan yang belum pernah terjadi sebelumnya yang diperkenalkan oleh pelbagai kerajaan.

Walau bagaimanapun, kegembiraan awal ini tidak dapat bertahan apabila kenyataan mula terlihat. Ini berikutan wujudnya mutasi strain baharu Covid-19 yang lebih mudah menjangkiti yang menyebabkan lonjakan kes harian baharu dan kerajaan terpaksa mengenakan satu lagi sekatan pergerakan penuh di seluruh negara. Sekatan pergerakan ini memberi tekanan ke bawah kepada sasaran pertumbuhan KDNK rasmi kerajaan bagi 2021 sebanyak 6-7.5% dan sasaran defisit fiskal 6%. Kedua-dua pelabur domestik dan asing terus mengetepikan pasaran domestik apabila gangguan politik kembali menjadi tajuk utama dan timbulnya kebimbangan mengenai isu ESG apabila Malaysia menghadapi kes yang berkaitan dengan pekerja migran.

Namun, penyertaan runcit kekal kukuh di pasaran dengan sekitar 38% daripada nilai dagangan harian purata pada bulan Jun 2021, institusi tempatan pada 44% dan pelabur asing pada 18%. Pelabur asing terus menjadi penjual bersih dengan aliran keluar asing bersih terkumpul sebanyak RM4.2b untuk 1H21 (Januari hingga Jun 2021), menjadikan pegangan saham asing di Malaysia lebih rendah daripada 20.7% pada akhir Disember 2020 kepada 20.3% pada akhir Jun 2021. Purata nilai dagangan harian untuk Bursa Malaysia juga turun dari puncak sebanyak RM4.5b-RM5b menjadi sekitar RM2.5b-RM3b pada akhir Jun 2021. Sektor yang terus berprestasi baik pada 1H21 adalah sektor produk teknologi, pengangkutan dan perindustrian. Indeks Syariah naik 1.2% dalam tempoh di bawah semakan untuk ditutup pada paras 12,178.28 mata.

ULASAN PELABURAN (SAMB.)

Pasaran Pendapatan Tetap

Pasaran pendapatan tetap mengalami turun naik yang tidak menentu bagi tahun kewangan di bawah semakan. Secara amnya, sentimen pasaran didorong oleh kemajuan dalam memerangi pandemik COVID-19, tindak balas pembuat dasar, dan jangkaan pemulihan ekonomi. Peserta pasaran terperangkap dalam krisis kesihatan awam yang terus berubah-ubah oleh penemuan strain COVID-19 baharu, gelombang jangkitan tambahan dan perubahan dalam langkah-langkah sekatan pergerakan. Tersebarnya berita yang dinanti-nantikan mengenai perkembangan menggalakkan dalam penghasilan vaksin yang berkesan dan selamat menjelang akhir 2020, telah menyokong sentimen risiko yang mendorong hasil untuk meningkat daripada paras terendah dalam sejarah.

Di pasaran dalam negeri, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) memulakan tahun kewangan dengan positif dengan pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2020. Pergerakan hasil MGS adalah selari dengan Perbendaharaan Amerika Syarikat ("UST") di mana ia terus cenderung lebih rendah di tengah-tengah perubahan ekonomi yang mencabar. Walaupun bagaimanapun, ini tidak lama kerana UST berbalik daripada paras rendahnya berikutan kemajuan vaksinasi dan data ekonomi yang lebih baik daripada yang dijangkakan. Walaupun kadar dasar tetap rendah, peserta pasaran terus bertindak balas terhadap perkembangan peristiwa kesihatan awam, ekonomi dan politik yang menyebabkan pasaran menjadi tidak stabil.

Melangkah ke separuh kedua tahun kewangan ini, minat pembelian asing dalam MGS diperbaharui apabila FTSE Russell memutuskan untuk mengeluarkan Malaysia daripada senarai pemerhatiannya dan mengekalkan negara dalam Indeks Bon Kerajaan Dunia ("WGBI"). Ini telah menghapuskan risiko penting bagi Malaysia sejak ia disenaraikan dalam senarai pemerhatian sebelum ini. Penarafan positif oleh Moody's dan Standard and Poor ("S&P") selepas penurunan oleh Fitch pada Disember 2020 juga telah menyokong minat pembelian asing dalam MGS tempatan. Perakuan penarafan ini telah menyokong minat pembelian asing dalam MGS kerana ini menunjukkan bahawa Malaysia masih mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengekalkan penarafannya ketika menangani pandemik.

Di peringkat global, pemberian vaksin yang stabil ditambah dengan pakej rangsangan bernilai USD1.9 trilion yang cukup besar pada separuh pertama tahun 2021, peningkatan hasil UST, mencerminkan optimisme dalam prospek pemulihan ekonomi. Selain itu, perdagangan reflasi mulai muncul kerana peserta pasaran berpendapat bahawa lonjakan bacaan inflasi mungkin berlaku lebih awal daripada yang dijangkakan oleh Rizab Persekutuan ("Fed") walaupun petunjuk ekonomi yang lemah dikeluarkan pada separuh pertama 2021. Dari segi dasar monetari, Fed terus menegaskan pendiriannya untuk mengekalkan dasar monetari yang sangat longgar dan tidak akan membuat perubahan drastik dalam pendiriannya kerana menganggap tekanan inflasi masih tidak mencukupi dan bersifat sementara. Pada akhir tahun kewangan, hasil pada UST mulai mereda apabila para pelabur menyesuaikan jangkaan inflasi mereka ke arah yang lebih sederhana. Ketika itu, UST 10-Y berada pada sekitar 1.50% (tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020: 0.66%).

TINJAUAN PELABURAN

Ekuiti

Pasaran ekuiti global akan terus peka terhadap data ekonomi, bacaan inflasi dan pergerakan hasil bon. Inflasi yang berterusan melebihi kenaikan sementara dalam jangka pendek dan/atau lonjakan hasil bon secara tiba-tiba akan menghasilkan pasaran yang sangat tidak menentu. Memandangkan munculnya varian baharu yang lebih mudah menjangkiti, kelangsungan pembukaan semula AS dan United Kingdom ("UK") akan diberi perhatian oleh peserta pasaran. Pemulihan yang berterusan juga menunjukkan bahawa langkah pengurangan mungkin akan diambil oleh beberapa bank pusat bagi menguruskan pengeluaran tunai secara beransur-ansur daripada sistem.

Di Malaysia, trend jangkitan Covid-19 dan kadar vaksinasi akan terus menentukan pergerakan pasaran. Dengan andaian bahawa vaksinasi harian sebanyak 450k-500k terus diberikan, Malaysia seharusnya mencapai vaksinasi penuh hampir 70% -80% penduduknya menjelang 4Q21. Ini akan meningkatkan kepercayaan terhadap kerajaan untuk mengemudi negara ke arah fasa pemulihan/pembukaan kembali. Gangguan politik akan terus berleluasa dengan pilihan raya umum yang mungkin diadakan pada 4Q21 atau 1H22. Pelaburan ESG juga akan terus menjadi agenda utama bagi para pelabur yang berpotensi menyebabkan penarafan rendah bagi kaunter bukan ESG. Walaupun pasaran dijangka tetap tidak stabil, kami terus melabur melalui strategi barbell kami yang akan dilaburkan di kedua-dua sektor nilai dan pertumbuhan. Sektor nilai terutamanya dalam syarikat terlibat dalam pemulihan/pembukaan semula sementara sektor pertumbuhan masih banyak tertumpu pada syarikat yang berkaitan dengan teknologi/5G.

Pendapatan Tetap

Perjuangan menentang pandemik Covid-19 telah menunjukkan hasil positif dengan perkembangan vaksinasi yang menggalakkan di negara-negara maju ditambah dengan kembalinya kehidupan normal secara perlahan-lahan. Pemulihan ekonomi khususnya di AS akan memainkan peranan besar dalam menentukan nada untuk pasaran bon global. Jangkaan dan perdagangan reflasi pasti akan berlaku dan persoalannya hanyalah bila ia akan berlaku. Untuk tujuan itu, banyak pelaporan data ekonomi akan menjadi kunci dalam menilai kemungkinan jangkaan reflasi tersebut berlaku. Selain itu, nada dasar dari Fed juga sangat penting untuk mengukur garis masa langkah pengurangan dan sentimen bearis seterusnya yang akan menyusul di pasaran UST.

Di pasaran domestik, sentimen risiko sebahagian besarnya bergantung pada perkembangan landskap kesihatan awam. Sentimen mengelak risiko mungkin akan berlaku pada waktu terdekat kerana kadar jangkitan masih belum berkurang walaupun langkah-langkah kawalan pergerakan yang ketat untuk jangka masa yang lama telah dilaksanakan. Lebih banyak pakej rangsangan yang dibiayai oleh hutang dijangka akan diumumkan berikutkan desakan yang semakin meningkat ke atas kerajaan untuk meringankan bebanan kewangan rakyat semasa perintah kawalan pergerakan. Selain itu, sentimen risiko di pasaran bon domestik juga mungkin dipengaruhi oleh peningkatan risiko politik yang timbul daripada perbincangan semula mengenai rombakan dalam pakatan politik.

Pada pandangan kami, sebarang kelemahan dalam pasaran bon akan memberi peluang yang baik bagi Dana untuk membina semula kedudukannya pada separuh kedua tahun ini kerana kami menjangkakan OPR akan kekal rendah untuk jangka masa yang panjang ditambah dengan potensi penurunan kadar dalam tempoh 6 hingga 12 bulan sekira pandemik menjadi lebih teruk.



هوج ليونج مس. أج تكافل

MAKLUMAT KEWANGAN

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2021

Nota	Dana HLMT i-Balanced		Dana HLMT i-Income	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
ASET				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia	5 3,070,758	7,050,780	-	-
Bon Islam tidak disebutharga	5 3,144,420	7,614,295	4,971,866	4,166,978
Keuntungan terakru	35,557	68,375	58,181	44,470
Jumlah pelaburan	6,250,735	14,733,450	5,030,047	4,211,448
Lain-lain aset:				
Amount daripada pengurus	16,995	-	7,751	-
Pelaburan belum terima	7,100	10,176	-	-
Lain-lain belum terima	514	85,610	250	250
Tunai dan kesetaraan tunai	2,144,786	2,177,659	743,224	434,399
Jumlah lain-lain aset	2,169,395	2,273,445	751,225	434,649
JUMLAH ASET	8,420,130	17,006,895	5,781,272	4,646,097
LIABILITI				
Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus	8,860	18,536	4,543	4,015
Liabiliti cukai tertunda	33,017	6,968	11,110	20,282
Peruntukan bagi cukai	59,509	29,097	13,056	24,286
Lain-lain belum bayar	-	-	-	4,305
JUMLAH LIABILITI	101,386	54,601	28,709	52,888
ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL				
	8,318,744	16,952,294	5,752,563	4,593,209
DIWAKILI OLEH				
Nilai unit	9,091,942	18,631,379	4,595,974	3,346,952
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(773,198)	(1,679,085)	1,156,589	1,246,257
	8,318,744	16,952,294	5,752,563	4,593,209
Bilangan unit dalam pengiraan	5,862,488	12,524,779	3,507,586	2,809,748
Nilai aset bersih hak pemegang sijil per unit	1.4190	1.3535	1.6400	1.6347

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



MAKLUMAT KEWANGAN

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2021 (SAMB.)

Nota	Dana HLMT i-Equity	HLMT My Steady 10 Plan*		
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
ASET				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti Islam disebut harga di Malaysia	5 20,860,373	24,241,815	-	-
Pelaburan berstruktur	5 -	-	-	4,466,139
Jumlah pelaburan	20,860,373	24,241,815	-	4,466,139
Lain-lain aset:				
Amoun daripada pengurus	43,616	-	-	-
Aset cukai tertunda	-	69,865	-	-
Pelaburan belum terima	48,117	35,619	-	-
Lain-lain belum terima	3,067	218,466	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai	4,163,071	4,473,470	-	-
Jumlah lain-lain aset	4,257,871	4,797,420	-	-
JUMLAH ASET	25,118,244	29,039,235	-	4,466,139
LIABILITI				
Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus	33,648	38,190	-	-
Liabiliti cukai tertunda	157,532	-	-	108,171
Peruntukan bagi cukai	19,851	38,846	-	13,854
Lain-lain belum bayar	-	31,849	-	66,535
JUMLAH LIABILITI	211,031	108,885	-	188,560
ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL				
	24,907,213	28,930,350	-	4,277,579
DIWAKILI OLEH				
Nilai unit	23,771,929	30,203,307	-	3,074,015
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	1,135,284	(1,272,957)	-	1,203,564
	24,907,213	28,930,350	-	4,277,579
Bilangan unit dalam pengiraan	19,318,589	24,419,859	-	2,914,576
Nilai aset bersih hak pemegang sijil per unit	1.2893	1.1847	-	1.4677

